

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD AMZAD BIN
MOHAMED@HASHIM
[KUALA TERENGGANU]

SOALAN NO. 29

Y.B. TUAN AHMAD AMZAD BIN MOHAMED@HASHIM [KUALA TERENGGANU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang yang tertunggak oleh agensi Kerajaan kepada Kerajaan Persekutuan sehingga 30 April 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, agensi Kerajaan membuat pinjaman dengan Kerajaan Persekutuan meliputi agensi di bawah syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD), Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Kerajaan Negeri. Penyata lengkap pinjaman Jabatan Akauntan Negara Malaysia sehingga 30 April 2019 merekodkan pinjaman tertunggak agensi Kerajaan kepada Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM8,832,996,073.03.